

19 JUN 2002

Hadi-Hudud

TERENGGANU MINTA BN SENARAI PERKARA DIANGGAP ZALIM

KUALA TERENGGANU, 19 Jun (Bernama) -- Kerajaan Pas Terengganu hari ini meminta Barisan Nasional (BN) menyenaraikan perkara yang dianggap zalim dalam Rang Undang-undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) yang akan dibentangkan pada persidangan Dewan Undangan Negeri bulan depan.

Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata kerajaan negeri akan terus menerima pandangan daripada semua pihak bagi menjamin undang-undang itu akan dapat dilaksanakan dengan adil.

"Sehingga hari ini kita menerima pandangan daripada semua pihak dan kita membuka peluang kepada Umno supaya mengemukakan perkara yang dikatakan zalim itu melalui wakil mereka dalam Dewan Undangan Negeri," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguna Exco kerajaan negeri hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa Kerajaan Pusat akan mengkaji kuasanya untuk menghalang kerajaan Terengganu daripada melaksanakan Undang-undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) kerana ia tidak adil dan bukan berlandaskan hukum Islam sebenar.

Abdul Hadi berkata kerajaan negeri akan tetap membentangkan dan meluluskan rang undang-undang itu seperti yang dijadualkan pada persidangan Dewan pada 7, 8, 9, Julai.

"Kita anggap perkara itu tidak bertentangan dengan Perlembagaan mengikut tafsiran kita," katanya.

Abdul Hadi berkata semua pihak khususnya kalangan orang Islam perlu menafsirkan Perlembagaan secara positif ke arah melaksanakan syariah Islam.

-- BERNAMA

SN NMO